TIRMIDHICENTRE

BAHAYA MENYAMAKAN HADITH DHAIF DENGAN PALSU

Dr. Khalil Ibrahim Mulla Khatir

Dikendalikan Oleh:
ADLAN BIN ABD AZIZ

HAK CIPTA TERPELIHARA

1. Kedudukan Sunnah Nabawiyyah Dan Sikap Berhati-Hati Para Sahabat *Radiyallahu Anhum*

- Sunnah Nabawiyyah merupakan sumber kedua dalam syariat selepas Al-Quran.
- Al-Quran yang menegaskan demikian dan mewajibkan ketaatan kepada Baginda ﷺ dalam apa yang diarahkan atau diucapkan.
- Sunnah Nabawiyyah membawa hukum yang kadangkalanya untuk **menguatkan perkara-perkara** yang telah pun ada dalam Al-Quran atau **memperincikan dan menjelaskan**, atau **membawa hukum yang tidak disebutkan dalam Al-Quran**.
- Para Sahabat begitu berhati-hati dalam mengambil ilmu daripada Rasulullah ﷺ agar tidak ada sebarang kesilapan yang tidak disengajakan.
- Contohnya seperti kisah Umar Bin al-Khattab yang menegur Hisham Bin Hakim. Hisham membaca surah al-Furqan dengan bacaan (Qiraat) yang berlainan dengan beliau. Beliau membawa Hisham bertemu Rasulululllah ﷺ dan Baginda mengiyakan kedua-dua bacaaan Umar dan juga Hisham (Bukhari & Muslim). Kisah yang sama juga berlaku pada Ubay Bin Ka'ab (Muslim).
- Begitu juga dengan kisah Abu Bakr as-Siddiq yang meminta bantuan para Sahabat tentang persoalan harta pusaka (Tirmidzi). Umar Bin al-Khattab yang bertanya tentang persoalan meminta izin untuk masuk ke rumah sebanyak 3 kali (Bukhari & Muslim). Ali Bin Abi Tolib yang meminta orang yang membacakan Hadith agar bersumpah (Abu Daud). Ibnu Abbas yang berhati-hati mengambil Hadith yang beliau tahu sahaja (Muqaddimah Sahih Muslim) dan sebagainya.

2. Asal Sejarah Bermulanya Kedhaifan Hadith & Sebab-Sebab Ianya Berlaku

- Kedhaifan dalam Hadith merangkumi semua **kesilapan atau kesalahan sama ada sengaja atau tidak**.
- Kadangkala periwayat yang baik **boleh terlupa atau tersilap** dalam meriwayatkan Hadith.
- Dalam masa yang sama terdapat **orang-orang yang tidak baik yang sengaja mengubah Hadith atau mencipta Hadith yang Palsu**.
- Para ulama Hadith menyatakan bahawa kedhaifan dalam Hadith berpunca daripada **dua sebab utama**: i) Sanad yang terputus dan ii) kedhaifan pada periwayat.
- Setiap satu daripada sebab ini dipecahkan dan dihuraikan kepada pelbagai bentuk lalu lahirlah istilah-istilah yang banyak untuk Hadith yang Dhaif.

3. Hukum Meriwayatkan Hadith Dhaif (Lemah)

- Para ulama Hadith sepanjang zaman didapati meriwayatkan Hadith Dhaif dalam kitab-kitab mereka. Ini menunjukkan bahawa ia boleh diriwayatkan.
- Para ulama Hadith yang mengarang kitab-kitab Hadith adakalanya **memberitahu sendiri bahawa mereka sememangnya menyebut Hadith Dhaif** di dalam penulisan mereka. Contohnya seperti apa yang ditulis oleh **Imam Abu Daud** di dalam **Risalah** beliau, apabila ditanya tentang cara beliau menyusun kitab Sunannya.

- Ada pula yang **tidak menyebutnya secara teori tetapi menjelaskannya secara amali** dalam penulisan mereka. Contohnya seperti Imam Tirmidzi yang menjelaskannya dalam Sunannya.
- Hampir semua kitab Hadith mempunyai Hadith Dhaif di dalamnya.
- Mereka adalah para imam Hadith dan orang yang paling berhati-hati dalam agama. Bagaimanakah mereka boleh menyebut Hadith Dhaif dalam kitab-kitab mereka **jika ia tidak dibolehkan** dan dilarang?

4. Periwayatan Ahli Hadith Daripada Perawi-Perawi Yang Dhaif & Sebabnya

- Semua imam Hadith **terbukti pernah mengambil riwayat daripada periwayat dhaif** termasuklah Imam Bukhari dan Imam Muslim.
- Ini **tidaklah bermaksud mereka menerima semua Hadi**th yang diriwayatkan itu. Tetapi apa yang mereka lakukan ialah membuat kategori dan menyusunnya pada tempat yang sesuai.
- Kedhaifan seseorang periwayat **tidaklah bermaksud semua Hadithnya ditolak**. Maka para imam Hadith menapis dan memilih riwayat-riwayat yang diterima daripada seorang periwayat yang dhaif.
- Di antara sebab Hadith-hadith periwayat yang dhaif diambil oleh para imam Hadith ialah i) ia diriwayatkan untuk menguatkan riwayat yang lain, ii) riwayat yang dipilih ialah yang diterima sahaja, iii) kedhaifannya tidak kuat, iv) kedhaifannya masih khilaf dalam kalangan ulama, v) kedhaifannya berlaku di hujung hayatnya, vi) terdapat riwayat periwayat lain yang tidak dhaif menyokongnya dan sebagainya. **Ia diketahui oleh para imam Hadith**.

5. Hukum Beramal Dengan Hadith Dhaif

- Terdapat ulama Hadith terdahulu meriwayatkan dan menyebut Hadith Dhaif **tanpa menjelaskan kedhaifannya, kecuali apabila berkaitan bab Aqidah atau Syariah**.
- Terdapat **ijmak dan kesepakatan** dalam kalangan ulama turun temurun bahawa Hadith Dhaif boleh diamalkan pada bab Fadhail, mengalakkan amalan dan melarang sifat terkeji, zuhud dan warak, kisah-kisah pengajaran dan sebagainya.
- Ijmak dan kesepakatan ini berdasarkan beberapa syarat seperti i) kedhaifannya tidak kuat, ii) ia masih terkandung di bawah perkara yang telah ada dalam agama, iii) **tidak dianggap sama** seperti Hadith Sahih atau Hadith Hasan.

6. Menggunakan Hadith Dhaif Dalam Menentukan Hukum-Hakam Dalam Kalangan Majoriti Ahli Ilmu Jika Tiada Contoh Selain Daripadanya

- Didapati para ulama khasnya Fuqaha' mengambil Hadith-hadith Dhaif dalam hukum apabila **tiada Hadith Sahih** di dalam bab itu.
- Contohnya seperti **Hadith Mursal** dan lain-lain jenis Hadith Dhaif, yang didapati ianya diamalkan oleh para Fuqaha'.
- Di sisi Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad dan lain-lain, Hadith Dhaif **lebih baik** daripada pandangan atau qiyas.

7. Dhaif Diamalkan Atau Diterima Umat Turun Temurun

8. Walaupun ianya Hadith Dhaif, namun kesepakatan ulama dalam menerimanya dan beramal dengannya menjadi **satu petunjuk** kuat bahawa ianya **boleh digunakan**.
9. Ini boleh dilihat dengan jelas dalam Sunan Tirmidhi di mana Imam Tirmidhi menyebut di hujung kebanyakan Hadith Dhaif bahawa *'ia diamalkan oleh para ahli ilmu'*.

8. Ulama Yang Mengatakan Dilarang Menggunakan Hadith Dhaif Secara Mutlak Dan Jawapan Terhadapnya

1- Terdapat sebahagian penulis atau penceramah yang menyebut bahawa ada ulama Hadith terdahulu **yang melarang beramal** dengan Hadith Dhaif.

2- Di antara nama-nama yang sering disebutkan ialah Imam Bukhari, Muslim, Yahya Bin Ma'in, Ibn al-Arabiy, Ibnu Hazm dan lain-lain.

3- Hakikatnya, maklumat ini tidak tepat. Para Imam yang disebutkan di atas sebenarnya **pernah meriwayatkan Hadith Dhaif** dan menyebutnya dalam kitab-kitab mereka. Ini bukti jelas mereka tidak melarang beramal dengannya.

4- Contohnya: i) Imam Bukhari yang menyebut Hadith Dhaif dalam kitabnya **al-Adab al-Mufrad** ii) Imam Muslim pernah mengarang kitab Musnad yang di dalamnya ada periwayat Dhaif iii) Imam Yahya Bin Ma'in yang menerima Hadith Dhaif dalam bab tertentu sebagaimana dalam kitab **Tarikh** iv) Imam Ibnu Hazm yang menjelaskan dia menerima Hadith Dhaif dalam kitab **al-Muhalla** v) Imam Ibn al-Arabiy yang jelas menerima Hadith Dhaif dalam kitabnya **Aridhat al-Ahwadzi**.

9. Apa Yang Dimaksudkan Dengan Hadith Dhaif Di Sisi Imam Ahmad *Rahimahullah*

- Terdapat sebahagian pengkaji yang menolak kata-kata Imam Ahmad bahawa *'Hadith Dhaif lebih baik daripada pendapat atau qiyas'* dengan menafsirkan kata-kata beliau **'Hadith Dhaif' itu sebagai 'Hadith Hasan'**. Pendapat ini disebutkan antaranya oleh Imam Ibnu Taimiyyah dan Ibnu Qayyim al-Jauziyyah.
- Pendapat ini tidak tepat kerana beberapa sebab seperti: i) Meluasnya penggunaan 'Dhaif' dalam kata-kata beliau, ii) Terdapat Hadith-hadith yang disepakati bahawa ianya Dhaif dalam kitabnya 'Musnad', iii) Fatwa-fatwa beliau yang berdasarkan Hadith Dhaif, iv) Wujudnya periwayat-periwayat yang Dhaif dalam kitabnya, Musnad.
- **Ibnu Taimiyyah** sendiri mengakui wujudnya Hadith Dhaif dalam Musnad Ahmad.
- Imam Abu Daud yang merupakan murid rapat dengan Imam Ahmad juga mengambil Hadith Dhaif. Adakah beliau menyalahi gurunya? Jawapannya telah ada pada Ibnu Taimiyyah yang mengakui bahawa metodologi Sunan Abu Daud menyamai metodologi Musnad Ahmad.

10. Sebab Disebalik Penggunaan Hadith Dhaif

- Ia masih **merupakan riwayat yang dikatakan datangnya daripada Rasulullah** ﷺ. Ia tidak dianggap palsu atau dusta. Jika kisah daripada Ahli Kitab juga boleh diambil, maka sudah pasti Hadith Dhaif lebih utama.

- Apabila sesuatu Hadith itu Dhaif kerana terputus sanadnya, maka **kemungkinan besar yang tidak disebut itu ialah seseorang yang diterima dan thiqah**. Lebih-lebih lagi jika mereka datangnya daripada kurun awal Islam.
- Jika Hadith itu Dhaif kerana kelemahan hafazan periwayat, **ia tidak bermakna semua Hadithnya adalah salah dan tidak sahih**.
- Apabila periwayat itu seorang yang berbohong, maka Hadithnya ditolak. Walaupun begitu, tidak semestinya apa yang diucapkan oleh pendusta itu **semuanya dusta**.
- Terdapat Hadith-hadith yang Dhaif, tetapi **banyak periwayatannya** dan sokongannya. Ini menaikkan kekuatan untuk ia diterima.
- Terdapat Hadith yang Dhaif pada sanadnya, **tetapi Sahih pada maknanya**.

11. Perbezaan Antara Hadith Dhaif Dengan Maudu' (Palsu)

- Hadith Dhaif **masih dinisbahkan kepada Rasulullah** ﷺ sedangkan palsu ialah pembohongan dan pendustaan.
- Ulama menghuraikan pelbagai sebab kedhaifan. Sedangkan Palsu nyata sebabnya dan **pembohongannya di atas nama Rasulullah** ﷺ.
- Hadith Dhaif **disepakati ulama bahawa ianya boleh diriwayatkan dan diamalkan**. Ini tidak ada pada Hadith Palsu.
- Hadith Dhaif disebut oleh ulama dalam kitab-kitab Hadith yang masyhur untuk diamalkan.
- Hadith Dhaif masih tertakluk di bawah asas-asas Islam yang diketahui dalam Al-Quran dan Hadith Sahih.

12. Rumusan Kitab *Khuturat Musawat Al-Hadith Ad-Dhaif Bi Al-Maudhu'*

- Hadith Dhaif boleh diamalkan dalam bab-bab tertentu **selain Aqidah dan hukum-hakam berdasarkan syarat-syaratnya**.
- Ia boleh diamalkan dalam hukum-hakam **jika tidak ada Hadith Sahih** yang berkaitan.
- Boleh beramal dengan Hadith Dhaif yang masyhur dan diamalkan turun-temurun.
- Begitu juga dengan Hadith Dhaif yang mempunyai **penguat dan penyokong** dari Hadith-hadith lain.
- Apa yang dikatakan kononnya ada ulama Hadith yang melarang beramal dengan Hadith Dhaif, maka ia tidak tepat dan **berlainan dengan apa yang ulama itu sendiri nukilkan** dalam kitab-kitab mereka.
- Pendapat yang menyatakan bahawa Hadith Dhaif di sisi Imam Ahmad bermaksud Hadith Hasan, **ia adalah pendapat yang tidak kuat**.

- TAMAT -

Pertubuhan Markas Imam Tirmidhi (PPM-005-14-12012017) adalah sebuah pertubuhan dakwah Islam berdaftar yang mempromosikan program agama bersifat **ilmiah** dan **mampu hadir (percuma)**. Dijenamakan sebagai ***Tirmidhi Centre***, pertubuhan ini turut aktif menyebarkan maklumat Islam melalui medium penulisan di **media sosial**, **terjemahan kitab** Islam mampu milik dan **dakwah multimedia**. Merupakan sebuah pertubuhan ***non-profit***, usaha dakwah Tirmidhi Centre ditaja oleh sumbangan ikhlas daripada orang awam Muslim.

PERTUBUHAN MARKAS IMAM TIRMIDHI
NO. AKAUN: **1211 3010 0632 45**
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

www.tirmidhicentre.org